



Office
OF THE
MUFTI

Kemusykilan Agama Berkaitan Puasa

**Bersama Meraih
Keberkatan Ramadan 2021**

PANDUAN TERAWIH DISERTAKAN

Hak cipta terpelihara.

Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak dibenarkan ditiru, disimpan dalam sistem pengeluaran semula (retrieval system) atau diedarkan melalui sebarang cara termasuk kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran bertulis daripada pihak penerbit terlebih dahulu.

ISI KANDUNGAN

Pendahuluan	04
Fadilat Ramadan	05
Ramadan Kali Ini	07
Pertama: Puasa	08
Kedua: Puasa & COVID-19	17
Ketiga: Terawih & Witr	21
Keempat: Zakat & Fidyah	34
Kelima: Wanita & Ramadan	39
Keenam: Doa & Zikir	42
Imsakiyah Ramadan 1442H/2021	48

PENDAHULUAN

Segala puji-pujian bagi Allah, Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan tercinta Nabi Muhammad s.a.w.

Kita bersyukur ke hadrat Ilahi di atas segala kurniaan dan panduan-Nya. Walaupun kita masih lagi belum bebas sepenuhnya daripada ujian penularan wabak COVID-19, keadaan pada tahun ini adalah lebih baik daripada Ramadan yang lalu.

Oleh yang demikian, beberapa langkah keselamatan masih perlu diteruskan selagi wabak ini masih berterusan, terutama sekali di tempat-tempat anggota masyarakat berhimpun, seperti tempat ibadah (masjid).

Sejajar dengan situasi ini, pada Ramadan kali ini, kita menghayati bersama maksud berkongsi kebaikan dan keberkatan dengan saudara-saudara kita. Dengan terbatasnya ruang di masjid-masjid dan keterbatasan pada sebahagian aktiviti lainnya, adalah penting bagi kita untuk menyedari betapa pentingnya kesediaan kita untuk berkongsi kebaikan ini dengan individu lain sebagaimana kita menginginkan kebaikan untuk diri kita. Kita perlu sedar bahawa keikhlasan semangat perkongsian ini bukan hanya murni, bahkan ia bakal diberikan ganjaran daripada Allah s.w.t. Oleh itu, walaupun mungkin kita tidak berjaya menempah tempat untuk melaksanakan ibadah terawih, kita hendaklah tenang dan berasa puas bahawa tempat ibadah tersebut bakal dimanfaatkan saudara kita yang lain.

Menyambut Ramadan yang bakal menjelang, Pejabat Mufti telah menyediakan risalah yang ringkas ini, yang telah menghimpun beberapa soalan asas yang biasanya diajukan oleh anggota masyarakat mengenai ibadah puasa. Tambahan dari itu, terdapat juga beberapa persoalan khusus yang berhubung-kait dengan situasi penularan wabak ini, seperti persoalan berkaitan menerima suntikan vaksin di siang Ramadan dan sebagainya.

Kita berdoa kepada Allah s.w.t. agar Dia sentiasa memelihara keselamatan serta kesejahteraan negara yang kita cintai ini. Dan agar Dia mengurniakan kepada kita serta masyarakat dunia jalan keluar daripada ujian ini. Amin Ya Rabbal Alamin.

Selamat menyambut bulan Ramadan yang mulia.



Mohd Murat Bin Md Aris
Timbalan Mufti
Majlis Ugama Islam Singapura

FADILAT RAMADAN

Bulan Ramadan mempunyai banyak kelebihan yang boleh diraih, antaranya:

1. Diampunkan dosa-dosa yang terdahulu. Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Yang bermaksud: *"Barangsiapa yang berpuasa pada bulan Ramadan penuh keimanan dan pengharapan (keredaan Allah), maka akan diampuni dosa-dosanya yang telah lalu."*

2. Dibuka pintu-pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka. Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim yang bermaksud: *"Apabila datang bulan Ramadan, dibukakan pintu-pintu syurga dan ditutup pintu-pintu neraka dan syaitan-syaitan dibelenggu."*

3. Diampunkan dosa sehingga Ramadan yang akan datang. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: *"Solat lima waktu, Jumaat ke Jumaat dan Ramadan ke Ramadan, akan diampunkan di antara keduanya selagimana tidak melakukan dosa-dosa besar."*

4. Terdapat padanya malam Lailatul Qadar – malam yang lebih baik dari seribu bulan. Berdasarkan hadis diriwayatkan oleh Imam Bukhari:

مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ، وَمَنْ قَامَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Yang bermaksud: *"Barangsiapa yang berpuasa pada bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan (keredaan Allah), maka akan diampuni dosa-dosanya yang telah lalu dan barangsiapa yang menghidupkan malam Lailatul Qadar dengan penuh keimanan dan mengharapkan (keredaan Allah) maka akan diampuni dosa-dosanya yang telah lalu."*

5. Doa yang mustajab di saat berbuka, berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibn Majah: *"Dan bagi orang yang berpuasa di saat dia berbuka, ada doa yang tidak akan ditolak."*

Kelebihan Ramadan

- Diampunkan dosa-dosa yang terdahulu
- Dibuka pintu-pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka
- Diampunkan dosa sehingga Ramadan yang akan datang
- Terdapat padanya malam Lailatul Qadar
- Dikabulkan doa



RAMADAN KALI INI

Ibadah dalam bulan Ramadan ketika penularan wabak

Walaupun Singapura telah memasuki Fasa 3, wabak COVID-19 masih berterusan. Oleh itu, demi menjaga keselamatan jemaah masjid khususnya dan masyarakat awam amnya, langkah-langkah pencegahan penularan wabak masih perlu dilaksanakan di masjid-masjid.

Segala Ibadah yang harus dijalankan, terutama yang dilakukan secara berjemaah pada bulan Ramadan tahun ini mengambil kira segala langkah keselamatan. Ia merupakan sebahagian tanggungjawab bersama demi memelihara kesejahteraan masyarakat.

Mengapakah tiada berbuka puasa secara berjemaah di masjid?

Memandangkan kita sekarang ini masih lagi berada dalam Fasa 3, berbuka secara beramai ditiadakan di masjid-masjid pada bulan Ramadan tahun ini. Oleh kerana berbuka secara beramai dapat mengakibatkan penularan wabak, di mana kita akan membuka pelitup muka ketika makan, masyarakat digalakkan untuk berbuka di rumah masing-masing bersama keluarga.

Namun, sekiranya anda ingin menunaikan solat Maghrib berjemaah di masjid (setelah berjaya mendaftarkan diri melalui sistem tempahan solat), pihak masjid akan menyediakan kurma dan air untuk berbuka sebelum solat jemaah.

Adakah kita perlu mendaftar bagi solat terawih setiap malam?

Disebabkan langkah keselamatan yang masih lagi diterapkan demi keselamatan jemaah, masih lagi terdapat keterbatasan ruang solat di masjid. Sama seperti semua solat yang dijalankan di masjid, anda perlu mendaftarkan diri di dalam sistem tempahan.

Ruang melakukan solat terawih disatukan dengan solat Isyak. Untuk melaksanakan solat terawih di masjid, anda perlu mendaftarkan diri. Bagi mereka yang tidak berjaya mendapat ruang solat, anda digalakkan untuk menunaikan solat terawih dan ibadah yang lain dengan keluarga anda di rumah.

Ini merupakan satu pengorbanan kita untuk menjaga kesejahteraan masyarakat. Ini juga peluang kita berkongsi keberkatan Ramadan dengan segenap lapisan masyarakat dengan cara yang penuh rahmah dan saksama. Semoga Allah mengurniakan ganjaran terbaik untuk kita.



**PERTAMA:
IBADAH PUASA**

**Bilakah
seharusnya saya
mula jatuhkan
niat untuk
berpuasa?**

Anda boleh menjatuhkan niat pada setiap malam sebelum puasa keesokan harinya, atau semasa sahur sebelum masuk waktu subuh.

Bolehkah saya menjatuhkan niat puasa Ramadan sebulan sekaligus tanpa memperbaharui niat pada setiap malam?

Para ulama berbeza pandangan dalam hal ini. Ulama mazhab Hanafi berpandangan bahawa dibolehkan untuk seseorang menjatuhkan niat untuk berpuasa Ramadan selama sebulan. Ulama Mazhab Shafi'i pula berpandangan bahawa disyaratkan untuk seseorang itu menjatuhkan niat berpuasa pada setiap hari pada bulan Ramadan.

Sungguhpun begitu, sekiranya anda kawatir akan terlupa untuk menjatuhkan niat pada setiap hari, maka digalakkan bagi anda untuk berniat di awal bulan Ramadan bahawa anda akan berpuasa pada setiap hari dalam bulan Ramadan. Niat ini merangkumi ibadah puasa sepanjang bulan Ramadan, termasuk juga hari yang mana anda terlupa untuk berniat.

Saya terlupa untuk membaca niat. Adakah ia membatalkan puasa saya?

Niat merupakan satu tekad di hati. Ia menjadi suatu kewajipan untuk menanam niat sebelum subuh bagi melaksanakan ibadah puasa yang wajib, berdasarkan sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud: *"Barangsiapa yang tidak berniat sebelum subuh, maka tiada puasa buat dirinya."* (Hadis riwayat Imam Abu Dawud).

Tempat niat itu adalah di hati, oleh itu bukanlah menjadi syarat untuk anda melafazkan niatnya secara kuat. Sekiranya terlintas terlintas di hati anda bahawa anda akan melaksanakan ibadah puasa pada keesokan harinya (atau anda boleh berniat untuk berpuasa sebulan Ramadan sejak awal Ramadan), maka dengan ini anda dikira telah berniat.

Saya terbangun lewat untuk sahur. Semasa saya bersahur, DJ di radio mengumumkan sudah masuknya waktu imsak. Adakah puasa saya tidak sah?

Allah s.w.t berfirman di dalam al-Quran:

﴿ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ
الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ۖ ثُمَّ أَتَمُوا الصِّيَامَ إِلَى اللَّيْلِ ۖ ﴾

Yang bermaksud: *“Dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) dari benang hitam kegelapan malam, iaitu waktu fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa itu sehingga waktu malam (maghrib).”*
(Surah al-Baqarah, ayat 187)

Ayat ini menunjukkan bahawa waktu bermulanya puasa adalah ketika masuk waktu subuh. Adapun waktu imsak (10 minit sebelum subuh) merupakan suatu galakkan untuk kita berhenti makan/minum, demi mengambil kira waktu subuh yang bakal masuk.

Akan tetapi ia bukanlah satu larangan untuk makan dan minum semasa waktu imsak. Lebih-lebih lagi sekiranya anda terlewat bangun sahur. Sekiranya anda masih makan semasa imsak tetapi berhenti sebelum fajar, puasa anda tetap sah.

Saya bangun selepas masuk waktu subuh dalam keadaan hadas besar kerana mimpi. Bolehkah saya berpuasa walaupun tidak sempat untuk melaksanakan mandi hadas besar sebelum azan subuh?

Hadas besar kerana mimpi tidak menyebabkan puasa anda terbatal, kerana ia bukanlah sesuatu yang disengajakan. Sekiranya anda terjaga dari tidur dalam keadaan hadas besar kerana mimpi tersebut, maka anda boleh sahaja melaksanakan mandi hadas besar dan meneruskan ibadah puasa.

Bolehkah seseorang yang berpuasa berenang atau bermain sukan air?

Berenang dan aktiviti yang berkaitan, boleh menyebabkan air masuk ke saluran hidung atau telinga seseorang. Sekiranya air masuk ke hidung atau telinganya semasa melakukan aktiviti tersebut, maka puasanya terbatal. Oleh itu, sebagai langkah berjaga-jaga, disarankan untuk tidak berenang di siang hari (selama berpuasa) untuk mengelakkan puasanya terbatal.

Saya diberitahu bahawa doa yang biasa dibaca "Allahumma laka sumtu" ketika berbuka (iftar) adalah hadis lemah, jika demikian, adakah doa lain yang boleh saya baca?

Persoalan berkaitan status hadis memerlukan kepada penjelasan yang mendalam. Secara kesimpulan, sebilangan besar ulama seperti Imam An-Nawawi berpandangan bahawa hadis lemah tetap diterima dan boleh diambil sebagai sebahagian dari amal yang baik (*Fada'il A'mal*).

Terdapat juga doa lain yang boleh anda baca seperti berikut:

ذَهَبَ الظَّمَأُ وَأَبْتَلَّتِ الْعُرُوقُ وَثَبَّتَ الْأَجْرُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Yang bermaksud: "Rasa dahaga sudah hilang, dan telah basah urat saraf, dan telah ditetapkan ganjaran, sekiranya Allah menghendaki." Doa ini dibaca oleh Nabi yang diriwayatkan oleh Abu Dawud dan dinilai sebagai Hadis Hasan.

Apakah hukumnya bagi seseorang yang sengaja berbuka puasa di bulan Ramadan tanpa alasan yang munasabah?

Jika seseorang berbuka puasa tanpa sebab yang dibenarkan Syara', ia dikira sebagai satu dosa besar. Kerana beliau telah melanggar salah satu daripada rukun Islam. Maka beliau perlu bertaubat kepada Allah s.w.t dengan segera dan bertekad untuk tidak melakukannya lagi.

Individu tersebut perlu mengqada puasanya bagi hari tersebut. Namun, beliau telah terlepas memperolehi ganjaran yang besar kerana mengqada puasa (yang ditinggalkan dengan sengaja).

Saya tidak sengaja termuntah. Adakah puasa saya terbatal?

Tidak. Muntah secara tidak sengaja tidak membatalkan puasa. Namun sekiranya anda sakit, anda harus mempertimbangkan untuk berbuka puasa dan menggada puasanya pada hari lain. Kerana mereka yang sakit tidak diwajibkan ke atasnya berpuasa. Dan untuk tidak membahayakan kesihatan anda, ia adalah suatu keutamaan.

Saya secara tidak sengaja tertelan cebisan makanan yang terselit di celah gigi semasa berpuasa. Apakah ini membatalkan puasa saya?

Sekiranya ia tidak disengajakan, maka ia tidak membatalkan. Oleh itu, seseorang yang ingin berpuasa digalakkan untuk memastikan kebersihan mulutnya selepas sahur untuk mengelakkan perkara seperti itu terjadi.

Ada orang menyatakan bahawa kumur-kumur dan menghembus air dari hidung (ketika berwudu) membatalkan puasa. Adakah ini benar?

Kumur-kumur dan menghembus air dari hidung ketika berwudu adalah sunnat. Akan tetapi ketika anda sedang berpuasa, tidak digalakkan untuk anda melakukannya secara berlebihan. Selagi mana perbuatan tersebut tidak dilakukannya secara berlebihan, akan tetapi terdapat sedikit air secara tidak sengaja memasuki rongga tekak anda, maka puasanya tetap sah dan tidak batal.



Saya telah dimasukkan ke hospital, lalu menggunakan 'drip' di tangan saya. Adakah ini menyebabkan puasa saya batal?


Sekiranya anda terpaksa menerima rawatan di hospital lalu menggunakan 'drip', ini merupakan satu petanda bahawa anda berada dalam keadaan yang sukar serta penyakitnya mungkin serius. Maka pilihan yang terbaik buat anda adalah untuk membatalkan puasa anda. Anda hanya perlu menggantikan puasa anda pada hari yang lain.

Penggunaan 'drip' tidak membatalkan puasa. Ini kerana cara penggunaannya tidak melalui rongga-rongga yang terbuka.

Apakah hukum menggunakan 'inhaler' (untuk mereka yang semput) ketika berpuasa?

Menggunakan 'inhaler' ketika berpuasa adalah dibenarkan bagi mereka yang menghadapi semput. Sekiranya beliau kembali pulih setelah menggunakan 'inhaler', beliau perlu untuk meneruskan puasanya.

Adapun sekiranya beliau mendapati dirinya terlalu lemah untuk meneruskan puasa ataupun memerlukan kepada rawatan lanjut, maka pilihan yang terbaik buat dirinya adalah untuk membatalkan puasanya dan mengqadanya pada hari lain supaya tidak memudharatkan dirinya.



Apakah hukum puasa bagi mereka yang lanjut usia?

Bagi warga emas yang merasa sukar untuk berpuasa, adalah digalakkan bagi mereka untuk berbuka puasa. Bagi mereka yang menghidapi penyakit kronik atau berpanjangan, adalah digalakkan untuk beliau berbuka puasa.

Apabila mereka tidak lagi mampu untuk berpuasa, maka mereka hanya perlu membayar fidyah iaitu memberi makanan (atau dengan nilai makanan) kepada orang miskin mengikut bilangan hari yang mereka tidak berpuasa. Inilah kelonggaran yang telah diberikan oleh Allah s.w.t kepada mereka yang tidak berkemampuan untuk berpuasa.

Ibn 'Abbas r.a. mengatakan: *"Kelonggaran diberikan kepada orang yang berumur, tetapi dia perlu memberi makanan kepada orang miskin dan yang memerlukan untuk setiap hari dia terlepas dan dia tidak perlu ganti hari yang dia tidak berpuasa."* (Dilaporkan oleh Ad-Daruqutni, dan disahkan oleh Hakim).

Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud: *"Dan wajib ke atas orang-orang yang tidak terdaya untuk berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Maka sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih dari yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya; dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (daripada berbuka) kalau kamu mengetahui."* (Surah Al-Baqarah, ayat 184).



Apakah cara-cara bagi seseorang menggantikan puasa (qada) puasa Ramadan?

Qada puasa Ramadan terbahagi kepada tiga bahagian:

1. Qada puasa Ramadan wajib ke atas:

- Mereka yang tidak berpuasa kerana sakit, yang mana penyakitnya akan bertambah teruk dan mudarat sekiranya beliau terus berpuasa.
- Mereka yang tidak berpuasa kerana bermusafir (lebih dari 84 km).
- Ibu yang menyusukan anak berbuka kerana risau akan kesihatan dirinya sendiri.
- Wanita yang datang bulan (haid) ataupun nifas.
- Mereka yang berbuka puasa disebabkan kehausan dan kelaparan yang teramat sangat, sehingga ditakuti boleh memudaratkan dirinya sendiri.
- Mereka yang terbatal puasanya.

2. Mengqada puasa dan membayar Fidyah.

- Wanita yang mengandung ataupun ibu yang menyusukan bayi berbuka kerana risau akan kesihatan anaknya.
- Mereka yang tidak sempat mengqada ibadah puasa yang dia tinggalkan pada tahun yang sebelumnya sehingga tiba Ramadan yang baru.

3. Tidak wajib baginya untuk menggantikan puasa, yang wajib hanyalah membayar fidyah.

- Mereka yang tidak boleh berpuasa disebabkan penyakit yang dihidapinya berterusan serta tidak dapat disembuhkan.
- Bagi mereka yang terlalu berumur untuk melaksanakan ibadah puasa, serta tiada lagi kemampuan untuk berpuasa.



Bolehkah saya niat untuk puasa sunnat Syawal enam hari serentak dengan puasa qada?

Terdapat **dua pendapat** berkaitan isu ini.

Sebahagian ulama melarang untuk menyatukan niat untuk ibadah sunnah dan ibadah wajib. Imam As-Shafi'i dalam kitabnya Al-'Umm menyatakan: *"Adalah penting bagi kita untuk membezakan niat antara puasa Ramadan dengan puasa untuk membayar Nazar, puasa Kaffarah dan juga antara puasa qada, puasa wajib dan puasa sunnat."* Imam Jalaluddin As-Suyuti (dalam bukunya Al-Ashbah wa an-Naza'ir) juga berpendapat bahawa penting untuk membezakan antara niat puasa Ramadan, puasa nazar, dan puasa sunnat.

Namun begitu, sebahagian ulama berpandangan bahawa pahala puasa enam di bulan Syawal akan diperolehi dengan meniatkan qada puasa Ramadan di bulan Syawal. Seperti imam Al-Ramli dan imam ibn Hajar Al-Haitami.¹

Berhadapan dengan perbezaan antara ulama berkaitan permasalahan ini, kedua-dua pendapat tersebut boleh dipertimbangkan oleh setiap individu. Maka anda boleh beramal dengan mana-mana pendapat, mengambil kira kesediaannya.

Isteri saya meninggal dunia baru-baru ini dan beliau belum menyelesaikan qada puasanya dari Ramadan sebelumnya. Apakah yang perlu saya lakukan?

Menurut mazhab Shafi'i jika seseorang yang telah meninggal dunia dan mempunyai hutang puasa, baginya **dua** keadaan²:

1. Meninggal dunia dan tidak sempat untuk menggantikan puasa kerana kesempitan waktu atau sakit yang berpanjangan, maka tiada tanggungjawab bagi si-mati atau warisnya untuk menggantikan puasa yang telah dia tinggalkan.
2. Meninggal dunia dan tidak menggantikan puasa tersebut ketika mempunyai kesempatan, maka dalam keadaan ini, ulama mazhab Shafi'i meletakkan **dua** keadaan³:
 - Boleh untuk warisnya membayar puasa untuk si-mati; atau
 - Membayar fidyah daripada harta pusaka si-mati, dan membayar mengikut bilangan hari yang telah ditinggalkan.

¹ Al-Ramli, Nihayah al-Muhtaj, j.3, hlmn.208; ibn Hajar al-Haitami, Tuhfah al-Muhtaj, j.3, hlmn.457

² Al-Shirbini, Mughni al-Muhtaj, j.1, hlmn.438

³ Al-Nawawi, Al-Majmu', j.6, hlmn.369



**KEDUA:
PUASA & COVID-19**

Adakah batal puasa saya sekiranya saya mengambil suntikan vaksin/perubatan pada siang hari Ramadan?

Menurut pendapat sebahagian ulama⁴, ia tidak membatalkan puasa. Memandangkan cecair vaksin tersebut tidak dimasukkan melalui salah satu rongga terbuka⁵. Ia juga bukanlah sejenis makanan/minuman, serta tidak menghilangkan rasa lapar atau dahaga.

Mengambil kira penularan wabak yang masih lagi belum reda, terdapat keperluan untuk setiap individu masyarakat memainkan peranannya. Dari itu, ketika anda menerima peluang untuk mengambil vaksin, seharusnya anda menyegerakan proses tersebut walaupun sekiranya ia berlaku pada siang hari Ramadan.

Walaupun ada pandangan lain yang tetap menganggap kemasukan sesuatu boleh membatalkan puasa.

Adakah suntikan membatalkan puasa saya?

Suntikan tidak membatalkan puasa kerana ia tidak dilakukan melalui rongga yang terbuka. Ia juga tidak melegakan lapar atau dahaga.

Panduan keagamaan berkenaan pengambilan vaksin COVID-19

Masyarakat Islam dianjurkan untuk mengambil vaksin COVID-19 kerana ia merupakan satu keperluan asas untuk melindungi nyawa sendiri secara khusus dan keselamatan manusia secara umumnya.

Fatwa-fatwa Muis yang lalu mengenai perubatan dan vaksin-vaksin telah pun menangani keperihatinan yang timbul berkaitan asal usul bahan yang digunakan.

Sejauh ini, proses penghasilan vaksin COVID-19 dan bahan-bahan yang digunakan tidak bertentangan dengan pertimbangan-pertimbangan fatwa lalu. Malahan proses-proses yang terlibat dalam penghasilan vaksin COVID-19 secara dasarnya tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip serta nilai-nilai Syariat Islam.

Pejabat Mufti, 13 Dec 2020

⁴ Mawahib al-Jalil, 2:424.

⁵ Rongga terbuka seperti mulut, telinga dan hidung.

Panduan keagamaan bagi mereka yang menjalani kuarantin.

Para pesakit Islam yang sedang menjalani kuarantin di pusat pengasingan masyarakat atau menjalani rawatan di hospital perlu mematuhi nasihat atau arahan yang ditetapkan oleh para pakar perubatan. Ia bagi memastikan keadaan kesihatan kita dapat dipantau dan kesihatan kita dapat pulih dengan sebaiknya.

Hal ini sejajar dengan panduan agama dalam memberikan kelonggaran kepada mereka yang kurang sihat untuk menggantikan puasanya pada hari lain. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah ayat 184:

﴿ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ﴾

Yang bermaksud: "Maka barangsiapa di antara kamu yang sakit, atau dalam keadaan musafir, maka gantikan (puasa) pada hari-hari yang lain."

Bolehkah saya menjalani ujian swab ketika berpuasa?

Sekiranya anda perlu mengambil ujian swab untuk memastikan anda tidak dijangkiti virus untuk keselamatan orang sekeliling anda, maka pengambilan swab di siang hari Ramadan adalah dibenarkan dan tidak membatalkan puasa.



Saya tidak dapat melaksanakan solat terawih di masjid-masjid, apakah kurang pahala saya?

Dengan penularan wabak yang masih berterusan, ia merupakan pengorbanan kita untuk memastikan bahawa masyarakat kita kekal selamat. Terdapat hadis qudsi di mana Allah s.w.t. memerintahkan para malaikatnya untuk menulis pahala yang sempurna bagi mukmin yang ketika terhalang daripada melaksanakan sesuatu ibadah (sama ada terhalang dengan ujian, penyakit dan sebagainya), beliau bersabar dan memuji Tuhan. Allah s.w.t memerintahkan kepada malaikatNya: *“Aku yang telah mengikat dan menimpakan musibah ke atas hambaKu ini, justeru itu tuliskanlah pahala yang biasa kamu tulis baginya, ketika mana dia sihat.”*⁶

Maka insya-Allah, Ramadan kali ini, kita berkongsi tempat ibadah yang terhad dengan saudara kita. Sekiranya kita tidak berjaya mendapat tempat, pastinya ada insan lain yang dapat memakmurkan rumah Allah itu sambil mendoakan kesejahteraan bersama.



⁶ Hadis riwayat al-Thabrani

**KETIGA:
TERAWIH, WITIR
& TAHAJJUD**

BAGAIMANAKAH CARA UNTUK MENUNAIKAN SOLAT SUNNAT TERAWIH BERSAMA KELUARGA DI RUMAH?

Tatatertib melaksanakan solat terawih dan solat witir:

1. Solat terawih dilakukan selepas solat Isyak sama ada berjemaah ataupun sendirian.

2. Niat solat terawih:

أُصَلِّي سُنَّةَ التَّرَاوِيحِ رَكْعَتَيْنِ إِمَامًا/مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

*(Usolli sunnata-taraawiihi rak'ataini imaaman/makmuman lillah ta'ala)
Sahaja aku solat sunnat terawih dua rakaat sebagai
imam/makmum kerana Allah ta'ala.*

3. Solat terawih didirikan sama ada sebanyak 8 atau 20 rakaat beserta 3 rakaat solat Witir.

4. Jumhur Fuqaha' berpandangan bahawa hukum solat witir adalah sunnat muakkadah pada bulan Ramadan atau di luar bulan Ramadan. Dilakukan sekurang-kurangnya satu rakaat, bagi mazhab Shafi'i sebaiknya dilakukan dua rakaat dengan salam, kemudian diikuti satu rakaat dengan salam.

5. Bagi mazhab Hanafi pula, hukum solat witir adalah wajib dan ditunaikan sebanyak tiga rakaat dengan satu salam seperti solat maghrib pada bulan Ramadan atau di luar bulan Ramadan.

6. Zikir

Membaca alunan zikir-zikir setelah setiap dua rakaat terawih hanya merupakan perkara yang **digalakkan dan bukannya wajib**. Ia tidak menjejaskan pahala terawih jika anda meninggalkannya.

Sekiranya anda mampu, perbanyakkan bacaan zikir-zikir selepas selesai solat terawih, seperti berikut:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ،

نَسْأَلُكَ الْجَنَّةَ وَنَعُوذُ بِكَ مِنَ النَّارِ (x3)

Asyhadu an la ilaha llallah, Astaghfirullah, Nas'alukal Jannata wa na'udzu bika minan nar. (3X)

اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوفٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنَّا (x3)

Allahumma innaka 'afuwun tuhibbul 'afwa fa'fu 'anna (3X)

يَا كَرِيمَ

Ya Karim.

Sila ke lalaman YouTube MuslimSG bagi mendapatkan tatacara lengkap melaksanakan solat terawih: <https://go.gov.sg/solat-terawih>.

7. Doa selepas terawih

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ
 سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا بِالْإِيمَانِ كَامِلِينَ، وَلِلْفَرَائِضِ مُؤَدِّينَ، وَلِلصَّلَاةِ
 حَافِظِينَ، وَلِلزَّكَاةِ فَاعِلِينَ، وَلِمَا عِنْدَكَ طَالِبِينَ، وَلِعَفْوِكَ رَاجِينَ، وَبِالْهُدَى
 مُتَمَسِّكِينَ، وَعَنِ اللُّغْوِ مُعْرِضِينَ، وَفِي الدُّنْيَا زَاهِدِينَ، وَفِي الآخِرَةِ رَاجِينَ،
 وَبِالْقَضَاءِ رَاضِينَ، وَبِالنَّعْمَاءِ شَاكِرِينَ، وَعَلَى الْبَلَاءِ صَابِرِينَ، وَتَحْتَ لِيوَاءِ
 سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ سَائِرِينَ، وَإِلَى الْحَوْضِ
 وَارِدِينَ، وَفِي الْجَنَّةِ دَاخِلِينَ، وَمِنَ النَّارِ نَاجِينَ، وَعَلَى سَرِيرِ الْكِرَامَةِ
 قَاعِدِينَ، وَبِحُورِ الْعِينِ مُتَزَوِّجِينَ، وَمِنْ سُنْدُسٍ وَإِسْتَبْرَقٍ وَدِيْبَاجٍ
 مُتَلَبِّسِينَ، وَمِنْ طَعَامِ الْجَنَّةِ آكِلِينَ، وَمِنْ لَبَنٍ وَعَسَلٍ مُصَفًّى شَارِبِينَ،
 بِأَكْوَابٍ وَأَبَارِيقٍ وَكَأْسٍ مِنْ مَعِينٍ، مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ
 وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ، وَحَسُنَ أُولَئِكَ رَفِيقًا، ذَلِكَ الْفَضْلُ مِنْ
 اللَّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ عَلِيمًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

8. Solat witir (Kecuali Hanafi)

Niat solat witir:

أُصَلِّي سُنَّةَ الْوَيْتْرِ رَكْعَتَيْنِ إِمَامًا/مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

(Usolli sunnatal witri rak'ataini imaaman/makmuman lillah ta'ala)
Sahaja aku solat sunnat witir dua rakaat sebagai imam/makmum
kerana Allah ta'ala.

أُصَلِّي سُنَّةَ الْوَيْتْرِ رَكْعَةً إِمَامًا/مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

(Usolli sunnatal-witri rak'atan imaaman/makmuman lillah ta'ala)
Sahaja aku solat sunnat witir satu rakaat sebagai imam/makmu
kerana Allah ta'ala.

Bacaan dalam 2 rakaat Solat Witir adalah Surah al-Fatihah diikuti dengan mana-mana surah yang anda hafal. Manakala satu rakaat solat Witir dibaca 3 surah, iaitu surah al-Ikhlâs, al-Falaq dan al-Nas selepas al-Fatihah.



Apakah doa yang boleh saya bacakan setelah solat witir?

Terdapat beberapa doa yang digalakkan untuk anda membaca setelah solat witir. Antara yang biasa dibaca imam pada bulan Ramadan adalah doa berikut. Kami menyarankan beberapa penambahan, bagi mendoakan juga buat saudara kita yang tidak dapat menunaikan solat terawih di masjid-masjid.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ، حَمْدًا يُؤَافِي نِعْمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ صَلَوَاتِكَ الَّتِي صَلَّيْتَ عَلَيْهِ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. وَرَضِيَ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى عَنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ أَجْمَعِينَ، وَرَضِيَ عَنَّا وَوَالِدِينَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ.

إِلَهِنَا قَدْ تَعَرَّضَ لَكَ فِي هَذِهِ اللَّيْلَةِ الْمُتَعَرِّضُونَ، وَقَصَدَكَ الْقَاصِدُونَ، وَرَغِبَ فِي جُودِكَ وَمَعْرُوفِكَ الطَّالِبُونَ. وَلَكَ فِي هَذِهِ اللَّيْلَةِ وَكُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ لَيَالِي شَهْرِ رَمَضَانَ نَفَحَاتٌ وَجَوَائِزٌ وَعَطَايَا تَجُودُ بِهَا عَلَى مَنْ تَشَاءُ مِنْ عِبَادِكَ، فَاجْعَلْنَا اللَّهُمَّ وَوَالِدِينَا وَأَوْلَادَنَا وَأَزْوَاجَنَا وَمَشَائِخَنَا وَمُعَلِّمِينَا وَأَقْرَابِنَا وَأَصْحَابِنَا (وَالْحَاضِرِينَ فِي هَذَا الْمَسْجِدِ وَالْغَائِبِينَ عَنْهُ) ⁷ وَوَالِدِيهِمْ وَالْمُسْلِمِينَ أَجْمَعِينَ مِمَّنْ سَبَقَتْ لَهُمْ مِنْكَ الْعِنَايَةُ. هَا نَحْنُ نَدْعُوكَ كَمَا أَمَرْتَنَا فَاسْتَجِبْ لَنَا كَمَا وَعَدْتَنَا إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ فَارِقِ الْفُرْقَانَ، وَمُنْزِلِ الْقُرْآنِ،

⁷ Doa yang digalakkan bagi mereka yang melaksanakan solat terawih di masjid untuk membacanya. Mendoakan kesejahteraan buat saudara kita yang tidak dapat hadir ke masjid.

بِالْحِكْمَةِ وَالْبَيَانِ، بَارِكِ اللَّهُمَّ لَنَا فِي شَهْرِ رَمَضَانَ. (x3)
 وَأَعِدْهُ اللَّهُمَّ عَلَيْنَا سِنِينَ بَعْدَ سِنِينَ، وَأَعْوَامًا بَعْدَ أَعْوَامٍ، عَلَى مَا تُحِبُّهُ
 وَتَرْضَاهُ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّ لَكَ فِي هَذِهِ اللَّيْلَةِ وَكُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ لَيَالِي شَهْرِ رَمَضَانَ عُتْقَاءَ مِنَ
 النَّارِ، فَاجْعَلْنَا اللَّهُمَّ وَوَالِدِينَا وَأَوْلَادَنَا وَأَزْوَاجَنَا وَمَشَائِخَنَا وَمُعَلِّمِينَا
 وَأَقَارِبَنَا وَأَصْحَابَنَا (وَالْحَاضِرِينَ فِي هَذَا الْمَسْجِدِ وَالْغَائِبِينَ عَنْهُ)
 وَوَالِدِيهِمْ مِنْ عُتْقَائِكَ مِنَ النَّارِ. اللَّهُمَّ أَجِرْنَا مِنَ النَّارِ سَالِمِينَ (x3)
 وَأَدْخِلْنَا وَإِيَّاهُمْ الْجَنَّةَ ءَامِنِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنَّا يَا كَرِيمٌ.
 وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
 وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.



PERMASALAHAN SOLAT TERAWIH

Adakah solat terawih disunnatkan sebanyak 8 rakaat ataupun 20 rakaat?

Semasa awal pensyariatian solat terawih, diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. melakukannya sebanyak 8 rakaat.

Sayyidatina Aisyah r.a. berkata yang bermaksud: *"Rasulullah s.a.w. tidak menambah pada bulan Ramadan dan bulan lainnya daripada 11 rakaat, Baginda mendirikan solat empat rakaat, jangan engkau tanya keelokkannya dan kepanjangannya, kemudian Baginda melakukan solat sebanyak 4 rakaat, maka jangan engkau tanya keelokkannya dan kepanjangannya. Kemudian Baginda menunaikan solat 3 rakaat. Aku berkata: Wahai Rasulullah, adakah engkau tidur terlebih dahulu sebelum melakukan solat witr? Maka Baginda bersabda: Wahai Aisyah, sesungguhnya kedua mataku tidur, sedangkan hatiku tidak tidur."*

Pelaksanaan solat terawih sepertimana amalan Baginda s.a.w. diteruskan oleh para sahabat sehinggalah di zaman pemerintahan Sayyidina Umar al-Khattab r.a. Beliau memilih untuk mengumpulkan masyarakat Islam untuk menunaikan solat terawih secara berjemaah dengan seorang imam dan didirikan sebanyak 20 rakaat. (Riwayat Imam Bukhari).

Maka secara kesimpulan, kedua-dua cara ini (berjemaah di masjid ataupun di rumah, 8 rakaat ataupun 20 rakaat) merupakan satu amalan yang diteruskan sehingga ke hari ini.

**8 rakaat
ataupun
20 rakaat,**

Kedua-dua adalah sunnah.
Yang pentingnya hiduapkan
malam Ramadan dengan
ibadah terawih.

Apakah surah-surah yang boleh saya baca ketika solat terawih?

Selepas membaca surah al-Fatihah pada setiap rakaat solat sunnat terawih anda boleh membaca mana-mana surah ataupun potongan ayat yang anda hafal.

Sekiranya anda ada kemampuan, kami mengalakkan untuk membaca beberapa surah-surah yang tertentu seperti berikut:

	20 Rakaat	8 Rakaat
Dari malam 1 hingga 15 Ramadan	<ul style="list-style-type: none"> • Setiap rakaat pertama dibaca satu surah bermula dari surah at-Takathur sehingga surah al-Masad. • Pada setiap rakaat kedua dibaca surah al-Ikhlas. 	<ul style="list-style-type: none"> • Dibaca salah satu surah untuk kedua-dua rakaat dari surah at-Takathur sehingga surah al-Kafirun.
Dari malam 16 hingga akhir Ramadan	<ul style="list-style-type: none"> • Pada setiap rakaat pertama dibaca surah al-Qadr. • Pada setiap rakaat kedua pula dibaca satu surah dari surah at-Takathur sehingga surah al-Masad. 	<ul style="list-style-type: none"> • Dibaca salah satu surah untuk kedua-dua rakaat dari surah at-Takathur sehingga surah al-Kafirun.

Bolehkah saya membaca surah yang sama dalam setiap rakaat solat terawih?

Sudah tentu. Surah-surah yang disebutkan di atas hanyalah sebagai panduan umum. Akan tetapi, tidak menjadi kesalahan sekiranya bacaan surah yang sama diulang dalam setiap rakaat solat terawih dan witir.

Bila bermulanya waktu solat terawih?

Solat terawih boleh dilaksanakan sejeurus setelah solat Isyak sehingga sebelum waktu subuh. Ini kerana solat terawih merupakan solat malam (Qiyam/Tahajjud).

Istilah 'terawih' itu sendiri memberi maksud beristirahat, dari itu para sahabat Rasulullah s.a.w. ketika melakukan solat terawih akan duduk beristirahat antara rakaat-rakaat solat terawih. Oleh itu, anda boleh menjarakkan antara rakaat solat terawih yang anda laksanakan.


Bolehkah saya memegang/membaca al-Quran dalam pelaksanaan solat terawih/witir?

Melihat dan memegang mushaf di dalam solat tidak membatalkan solat selagi mana anda tidak melakukan pergerakan yang besar (dalam memegang al-Quran) tiga kali berturut-turut.

Malahan mengikut pendapat Imam an-Nawawi adalah wajib untuk melihat al-Quran sekiranya individu tersebut tidak menghafal surah al-Fatihah.

Bolehkah kanak-kanak yang belum baligh mengimamkan solat terawih untuk ahli keluarganya?

Di dalam situasi di mana tiada lelaki dewasa untuk menjadi imam solat jemaah tersebut, maka dibolehkan kanak-kanak tersebut mengimamkan ahli keluarganya sekiranya kanak-kanak tersebut boleh membaca al-Quran dengan betul dan telah sampai tahap mumayyiz.



SOLAT JEMAAH BERSAMA KELUARGA


Susunan imam dan makmum dalam solat Jemaah



Ayah, Ibu, anak lelaki & anak perempuan



Ayah, Ibu, Anak Lelaki & Nenek



Suami & Isteri




Ayah, Ibu & Anak Lelaki



Ayah & anak-anak perempuan



Ibu & anak perempuan



Ibu & anak-anak perempuan

Mengapakah sebahagian individu melakukan solat witir dengan cara yang berbeza?

Solat witir yang paling ringkas ialah satu rakaat. Nabi s.a.w. bersabda yang bermaksud: *“Solat witir adalah satu rakaat di penghujung malam”* (Hadis riwayat Imam Muslim). Sekiranya seorang melaksanakan solat witir sebanyak satu rakaat, maka beliau telah melaksanakan Sunnah. Solat witir juga boleh dilaksanakan sebanyak tiga, lima, tujuh atau sembilan rakaat.

Sekiranya seseorang melaksanakan solat witir sebanyak **tiga rakaat**, terdapat dua cara perlaksanaannya, berdasarkan hadis yang diriwayatkan:

- Melaksanakan solat witir tiga rakaat sekaligus dengan satu tasyahhud. Cara ini diriwayatkan oleh Sayyidatina Aisyah r.a menjelaskan cara pelaksanaan solat yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.: *“Sesungguhnya Nabi melaksanakan solat witir sebanyak tiga rakaat, dan beliau tidak duduk (tasyahhud) antaranya melainkan pada rakaat yang terakhir.”* (Hadis riwayat Al-Nasa’i dan Al-Baihaqi).
- Melaksanakan tasyahhud dan salam selepas rakaat yang kedua, disusuli dengan satu rakaat sahaja. Ia adalah berdasarkan riwayat dari Ibn Umar r.a., bahawa beliau sering memisahkan (dalam solat witir) antara dua rakaat witir dengan satu rakaat selepasnya dengan bersalaman (selepas rakaat kedua). Beliau berkata bahawa Nabi s.a.w. pernah melaksanakan solat (witir) sedemikian. (Riwayat Ibn Hibban).

Bilakah bermulanya membaca doa Qunut dalam solat witir?

Bacaan doa Qunut (seperti doa Qunut subuh) pada rakaat terakhir solat witir boleh dilakukan bermula pada malam 16 Ramadan sehingga ke akhir Ramadan⁸. Membaca doa Qunut adalah perkara yang digalakkan. Namun begitu, solat witir anda tetap sah walaupun anda tidak membacanya.

Bagi Mazhab Hanafi pula disunnatkan untuk membaca doa Qunut pada setiap rakaat terakhir sebelum rukuk semasa solat witir pada bulan Ramadan atau di luar bulan Ramadan⁹.

⁸ Al-Nawawi, Al-Majmu’, j. 4, hlmn. 24

⁹ Al-Kasani, Bada’i al-Sana’i, j. 1, hlmn. 273.

Sekiranya saya telah solat witir setelah solat terawih, bolehkah saya melaksanakan solat sunnat yang lain ketika Qiyamullail dan perlukah saya mengulangi solat witir?

Tiada larangan bagi anda untuk menunaikan solat sunnat ketika Qiyamullail meskipun telah melakukan solat witir setelah solat terawih. Solat sunnat witir tidak perlu diulangi lagi setelah selesai solat sunnat berdasarkan hadis riwayat: *“la witrani fi lailah”* yang bermaksud *“Tiada dua solat witir dalam satu malam”*.

Tip menghidupkan malam-malam Ramadan bersama keluarga

- a. Bermula dengan **amalan yang ringan** seperti menunaikan solat 2 rakaat pada permulaan dengan bangun lebih awal sebelum sahur.
- b. **Jangan membebankan** – sekiranya merasa letih berehat seketika dengan membaca al-Quran atau zikir dan kemudian sambung melakukan solat sunnat tersebut.
- c. Membaca surah-surah **yang mudah**. Atau memegang al-Quran sekiranya ingin membaca ayat-ayat yang panjang dan tidak menghafalnya.
- d. Melakukan dengan **kadar yang termampu** agar dapat menerapkan sifat istiqamah dalam melaksanakannya, meskipun dalam kadar yang sangat minimal.
- e. **Memperbanyakkan zikir:**

اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّي

Yang bermaksud:

“Ya Allah, Engkaulah Maha Pengampun lagi Maha Pemurah, Engkau suka mengampunkan, maka ampunkanlah aku.”

**KEEMPAT:
ZAKAT & FIDYAH**

Saya sedang menetap di luar negara. Di manakah perlu saya membayar zakat? Adakah menuruti di mana saya menetap ataupun saya perlu meminta keluarga yang berada di Singapura untuk membayarkan zakat bagi pihak saya?

Terdapat perbezaan pendapat berkaitan menunaikan zakat fitrah dan zakat harta bagi mereka yang sedang menetap di luar negara.

Bagi zakat fitrah, anda perlu menunaikan zakat di negara yang anda akan menyambut malam hari raya Aidilfitri. Adapun bagi zakat harta pula, anda perlu menunaikan kewajipan zakat harta mengikut negara di mana harta tersebut bertambah.

Walaupun bagaimanapun, ini adalah sebagai panduan umum. Sekiranya terdapat kesukaran untuk mengikut panduan di atas dalam menunaikan zakat fitrah atau zakat harta, maka anda boleh juga menunaikannya di mana sahaja yang mudah bagi anda.

Terdapat beberapa hari pada bulan Ramadan yang lalu di mana saya tidak puasa. Adakah saya perlu qada? Dan bagaimana pula dengan membayar fidyah?

Mereka yang tertinggal puasa di bulan Ramadan perlu berusaha sedaya upaya untuk menyelesaikan puasa qadanya sebelum tiba Ramadan yang akan datang. Seandainya beliau tidak sempat untuk menyempurnakan puasa qada sehinggalah tiba Ramadan berikutnya, beliau kini bukan hanya perlu mengqadakan puasanya, akan tetapi beliau juga perlu membayar fidyah bagi setiap hari yang ditinggalkannya.

Sila rujuk ke laman <https://www.muis.gov.sg/Our-Services/Fidyah> bagi mendapatkan penjelasan lanjut berkaitan fidyah dan kadarnya.



Saya terlupa untuk membayar zakat fitrah saya pada tahun-tahun yang lalu. Bagaimanakah caranya untuk saya membayar semula zakat fitrah yang telah saya tinggalkan?

Zakat fitrah boleh ditunaikan bermula malam Ramadan sehingga sebelum bermula solat sunnat Aidilfitri. Sebahagian ulama berpendapat bahawa bayaran yang ditunaikan selepas waktu itu dikira sebagai sedekah dan bukan zakat fitrah.

Menurut sebahagian mazhab, seperti mazhab Shafi'i, seseorang yang tertinggal ibadah wajib, beliau perlu untuk menggantikannya (qada). Maka apabila anda tidak membayar zakat fitrah, anda tetap perlu untuk membayarnya, dengan niat qada¹⁰.

Seorang Mukmin akan berhati-hati dalam menunaikan ibadahnya. Beliau berusaha untuk melaksanakan segala ibadah pada masanya, dan bukannya secara qada.

Membayar Zakat secara dalam talian (online)

Dengan penularan wabak yang masih lagi berterusan, anda digalakkan untuk menunaikan zakat (sama ada harta ataupun fitrah) secara dalam talian. Sila rujuk laman berikut bagi maklumat lanjut: <https://www.zakat.sg>

¹⁰ Al-Nawawi, Al-Majmu', j. 6, hlmn. 143; Lihat juga, Al-Ramli, Nihayah al-Muhtaj, j. 3, hlmn. 112.

Bolehkah saya membayar fidyah dengan wang dan bukan dengan beras?

Allah s.w.t. telah berfirman dalam surah Al-Baqarah, ayat 184 yang bermaksud: *"...dan wajib ke atas orang-orang yang tidak terdaya untuk berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Maka sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih dari yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya; dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (daripada berbuka) kalau kamu mengetahui."*

Fidyah bermakna memberi makanan kepada golongan miskin. Makanan di sini merujuk kepada makanan asas penduduk di negara tersebut. Di Singapura, makanan asasi adalah nasi. Oleh itu, umat Islam di Singapura yang tidak berpuasa perlu membayar fidyah pada kadar 1 mud beras bagi setiap hari mereka tidak berpuasa. 1 mud adalah bersamaan dengan 750 gram.

Walaubagaimanapun, terpulang kepada individu itu sama ada beliau mahu membayar dengan wang atau dengan makanan asasinya (iaitu beras).

Di Singapura, ia mungkin lebih bermanfaat bagi semua pihak untuk membayar dengan wang. Ini adalah kerana dengan memberikan wang tunai, penerima boleh membeli makanannya. Wang tunai adalah lebih mudah untuk dipindahkan dan disimpan; beras memerlukan lebih ruang simpanan, mempunyai tarikh luput, perlu dibungkus dan sebagainya.

Menurut mazhab Shafi'i, kadar fidyah yang perlu dibayar akan meningkat setiap tahun sekiranya belum diqada puasanya.

Saya baru ingin berjinak-jinak dengan agama. Saya tidak mampu untuk membayar kadar fidyah sekiranya kiraannya akan berganda pada setiap tahun. Apakah penyelesaiannya?

Walaupun mazhab Shafi'i menetapkan bahawa bagi kadar fidyah itu akan berganda pada setiap tahun, sekiranya seseorang itu tidak membayar fidyahnya. Permasalahan ini merupakan satu perkara yang dibahaskan ulama.

Sebagai jalan keluar buat diri anda, anda boleh mengikuti pendapat ulama lain yang berpendapat bahawa kadar fidyah itu adalah tetap (yakni tidak berganda). Maka sesiapa yang perlu membayar fidyah berjumlah \$300 (sebagai contoh), kadarnya tidak akan meningkat walaupun beliau menundakan pembayarannya.

Adakah saya tetap wajib untuk mengqada puasa walaupun saya telah membayar fidyah?

Membayar fidyah tidak menggugurkan kewajiban anda untuk mengqada puasa yang telah anda tinggalkan ketika Ramadan. Selagimana anda masih terdaya untuk menunaikan kewajiban tersebut, maka anda tetap wajib untuk mengqada puasa mengikut hari yang telah anda tinggalkan ketika Ramadan.

Saya mempunyai seorang pembantu rumah. Perlukah saya membayar zakat fitrah bagi pihaknya?

Sekiranya ketua keluarga pembantu rumah anda tidak membayarkan zakat fitrah buat dirinya, maka anda sebagai ketua keluarga digalakkan untuk membayar zakat fitrah buat dirinya.

Apakah hukum zakat fitrah bagi bayi yang masih dalam kandungan?

Zakat fitrah tidak diwajibkan ke atas bayi yang masih di dalam kandungan. Akan tetapi wajib zakat fitrah ke atas bayi tersebut sekiranya dia lahir sebelum malam hari raya.



The background of the page is a repeating geometric pattern in shades of teal. The pattern consists of interlocking lines that form a grid of squares, with each square containing a stylized eight-pointed star or floral motif. The colors range from a light, pale teal to a darker, more saturated teal.

KELIMA: WANITA & RAMADAN

Sekiranya haid saya telah tamat sebelum subuh, dan saya tidak sempat untuk mandi hadas besar (ghusl), bolehkah saya meneruskan puasa bagi hari tersebut?

Ya, anda boleh berpuasa sekiranya haid atau nifas telah berhenti sebelum subuh, sungguhpun anda tidak sempat untuk mandi hadas besar sehinggalah masuk waktu subuh. Ini kerana sekiranya anda telah suci dari haid atau nifas sebelum subuh, maka wajib bagi anda berpuasa.

Keadaannya sama seperti mereka yang berada di dalam keadaan hadas besar (junub) sebelum masuknya subuh dan hanya sempat untuk mandi hadas selepas subuh.

Dalilnya adalah firman Allah s.w.t. yang bermaksud: *“Dihalalkan bagi kamu pada malam hari puasa, bercampur (bersetubuh) dengan isteri-isteri kamu. Isteri-isteri kamu itu adalah pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka. Allah mengetahui bahawasanya kamu mengkhianati diri sendiri, lalu Ia menerima taubat kamu dan memaafkan kamu. Maka sekarang ini datangilah isteri-isteri kamu dan carilah apa-apa yang telah ditetapkan oleh Allah bagi kamu..”* (Al-Baqarah : 187).

Sekiranya Allah mengizinkan bagi pasangan suami isteri untuk bersatu sehingga terbitnya waktu subuh, ini bermakna mandi hadas hanya akan dilakukan setelah azan subuh.

Apakah hukum berpuasa bagi wanita yang hamil?

Seorang wanita yang hamil boleh berpuasa sekiranya beliau mampu untuk melakukannya. Sekiranya beliau tidak mampu, maka dibenarkan baginya untuk berbuka puasa.

Sekiranya beliau tidak berpuasa kerana merisaukan kesihatan dan keselamatan dirinya, maka wajib baginya untuk menggantikan (qada) puasa sahaja.

Namun sekiranya beliau tidak berpuasa kerana merisaukan kesihatan dan keselamatan kandungannya, maka wajib baginya untuk menggantikan puasa dan membayar fidyah bagi setiap hari yang ditinggalkan.

Bolehkah seorang wanita menggunakan ubat untuk menanggukannya haidnya pada bulan Ramadan?

Ijma' ulama berpandangan bahawa wanita yang berada dalam keadaan haid tidak diwajibkan berpuasa, tetapi mereka diwajibkan untuk menggantikan puasa (qada).

Berdasarkan hadis yang diriwayatkan dari Sayyidatina Aisyah r.a.: *"Kami diperintahkan untuk mengganti puasa (qada) tetapi kami tidak diperintahkan untuk mengqada solat (kerana haid)"* (Riwayat Al-Bukhari).

Oleh itu, adalah lebih baik dan digalakkan untuk membiarkan sahaja haid itu datang ikut putaran biasa.

Namun begitu, sekiranya seorang wanita itu ingin mengambil ubat supaya melewati kedatangan haid pada bulan Ramadan, maka ini dibenarkan – dengan syarat bahawa ubat yang diambil tidak memudaratkan dirinya.

Wanita tersebut juga dinasihati untuk mendapatkan nasihat pakar sebelum mengambil ubat sedemikian.

Perluakah seorang ibu yang menyusukan berpuasa? Kalau tidak, apa yang perlu beliau lakukan?

Kebanyakan ulama menggalakkan agar wanita yang hamil, dan juga wanita yang menyusukan, untuk membatalkan puasa sekiranya mereka bimbang akan kesihatan mereka. Setelah Ramadan berlalu dan mereka selamat melahirkan kandungan, maka ketika itu mereka wajib menggantikan puasa mereka yang tertinggal.

Yang diperselisihkan di kalangan ulama, ialah sama ada seorang ibu itu hanya perlu menggantikan puasa (qada puasa) sahaja atau hanya perlu membayar fidyah, atau kedua-duanya sekali. Menurut pandangan Ibn 'Umar dan Ibn 'Abbas, wanita tersebut hanya perlu membayar fidyah sahaja kerana kesukaran yang dihadapinya. Anda boleh berpegang dengan pendapat ini (iaitu hanya membayar fidyah sahaja) sekiranya anda terlepas berpuasa selama beberapa tahun di sebabkan kehamilan ataupun kerana menyusukan anak.

**KEENAM:
ZIKIR & DOA**

Doa Minta Dijauhkan Daripada Segala Kemudaratan

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ
وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

[Bismillahil-ladzi la yadurru ma'as-mihi shay'un fil-ardi wa la fis-sama'i wa huwas-sami'ul-'alim]

Yang bermaksud: “Dengan nama Allah, yang tidak memberikan mudarat sesuatu di bumi dan di langit dengan nama-Nya dan Dia maha Mendengar lagi maha Mengetahui.” (Hadis riwayat Imam al-Tirmizi).

Doa Memohon Kesembuhan

اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ أَذْهِبِ الْبَأْسَ، إِشْفِ أَنْتَ الشَّافِي،
لَا شِفَاءَ إِلَّا شِفَاؤُكَ، شِفَاءً لَا يُغَادِرُ سَقَمًا وَلَا أَلَمًا

[Allahumma rabban-nas azhibil-ba'sa, ishfi, antas-shafi, la shifaa illa shifa'uka, shifa'an la yughadiru saqama wala alama]

Yang bermaksud: “Wahai Tuhan sekalian manusia, hilangkanlah penyakitnya, sembuhkanlah ia, kerana sesungguhnya (hanya) Engkau yang dapat menyembuhkannya, tidak ada kesembuhan melainkan kesembuhan daripada-Mu, kesembuhan yang tidak meninggalkan lagi kesakitan/penyakit.” (Hadis riwayat Imam Bukhari).

Doa Memohon Keafiatan Tubuh Badan

اللَّهُمَّ عَافِنِي فِي بَدَنِي، اللَّهُمَّ عَافِنِي فِي سَمْعِي،
اللَّهُمَّ عَافِنِي فِي بَصَرِي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ

[Allahumma 'afini fi badani, allahumma 'afini fi sam'i, allahumma 'afini fi basari, la ilaha illa anta]

Yang bermaksud: “Ya Allah, berikanlah kesihatan untukku pada badanku. Ya Allah, berikanlah kesihatan untukku pada pendengaranku. Ya Allah berikanlah kesihatan untukku pada penglihatanku. Tiada Tuhan selain Engkau.” (Hadis riwayat Abu Dawud).

Doa Memohon Kesejahteraan Dunia Akhirat

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ
 الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي دِينِي وَدُنْيَايَ وَأَهْلِي وَمَالِي، اللَّهُمَّ اسْتُرْ
 عَوْرَاتِي وَآمِنْ رَوْعَاتِي، اللَّهُمَّ احْفَظْنِي مِنْ بَيْنِ يَدَيْي وَمِنْ خَلْفِي
 وَعَنْ يَمِينِي وَعَنْ شِمَالِي وَمِنْ فَوْقِي وَأَعُوذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ
 مِنْ تَحْتِي

[Allahumma inni as'alukal-'afiyah fid-dunya wal-akhirah allahumma inni
 as'alukal-'afwah wal-'afiyah fid-dini wad-dunyaya wa ahli wa mali,
 allahummas-tur 'awrati wa amin raw'ati, allahummah-fazni mim bayni
 yadayya wa min khalfi wa 'an yamini wa 'an shimali wa min fawqi wa a'udhu
 bi-'azamatika an ughtala min tahti]

Yang bermaksud: "Ya Allah! Sesungguhnya aku memohon kepada-Mu keafiatan di dunia dan akhirat, Ya Allah aku memohon kepada-Mu keampunan dan kebaikan pada agamaku, duniaku, keluargaku dan hartaku. Ya Allah! Tutupilah aibku dan berilah ketenteraman di dalam hatiku.

Ya Allah! Peliharalah aku dari depan, belakang, kanan, kiri dan atasku, aku juga memohon perlindungan dengan keagungan-Mu agar tidak disambar (dalam keadaan tidak sedar) dari bawahku." (Hadis riwayat Imam Abu Dawud).



Kecukupan Urusan Dunia dan Akhirat

﴿ ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ ۚ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ ءَامَنَ بِاللَّهِ
وَمَلَائِكَتِهِ ۚ وَكُتُبِهِ ۚ وَرُسُلِهِ ۚ لَنْفُرُقَ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْ رُّسُلِهِ ۚ وَقَالُوا سَمِعْنَا
وَأَطَعْنَا ۗ غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ (285) لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا
وُسْعَهَا ۗ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ ۗ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ
نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا ۗ رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ
مِن قَبْلِنَا ۗ رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لِطَآئِفَةٍ لَّنَا بِهِ ۗ وَاعْفُ عَنَّا وَاعْفِرْ لَنَا
وَارْحَمْنَا ۗ أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴾ (286)

[Amanar-rasulu bima unzila ilayhi mir-rabbihi walmu'minun; kullun aamana billahi wa malaa'ikatihi wa kutubihī wa rusulihī laa nufarriqu baina ahadim-mir-rusulih wa qalū sami'naa wa ata'naa ghufraanaka rabbanaa wa ilaikal-masir (285) Laa yukalliful-laahu nafsān illaa wus'ahaa, lahaa maa kasabat wa 'alaihaa maktasabat; rabbanaa laa tu'aakhiznaa in nasiinaa aw akhtaanaa; rabbanaa wa laa tahmil-'alainaa isran kamaa hamaltahu 'alal-lazina min qabliina, rabbanaa wa laa tuhammilnaa maa laa taaqata lanaa bih, wa'fu 'anna waghfir lanaa warhamnaa; anta mawlaanaa fansurna 'alal qawmil kaafirin (286)]

Yang bermaksud: "Rasul telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya daripada Tuhannya, demikian pula orang-orang yang beriman. Semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya. (Mereka mengatakan): "Kami tidak membezakan antara seseorangpun (dengan yang lain) daripada rasul-rasul-Nya". Dan mereka mengatakan: "Kami dengar dan kami taat". (Mereka berdoa): "Ampunilah kami wahai Tuhan kami dan kepada Engkaulah tempat kembali"(285). Allah tidak membebani seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala (daripada kebajikan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (daripada kejahatan) yang dikerjakannya. (Mereka berdoa): "Ya Tuhan kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa atau kami tersalah. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana Engkau bebankan kepada orang-orang sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang ingkar." (286). (Surah al-Baqarah).

Doa Memohon Perlindungan

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

[A'uzu bi-kalimatillahit-tammaati min syarri ma kholaq]

Yang bermaksud: "Aku memohon perlindungan daripada kalimah-kalimah-Mu yang sempurna daripada sebarang kejahatan yang diciptakan."
(Hadis riwayat Imam Muslim).

Doa Bagi Umat Islam

اللَّهُمَّ سَلِّمْنَا وَالْمُسْلِمِينَ وَعَافِنَا وَالْمُسْلِمِينَ وَكَفِنَا
وَإِيَّاهُمْ مِنْ شَرِّ مَصَائِبِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ

[Allahumma sallimnaa wal-muslimin, wa 'aafinaa wal-muslimin,
wak-finna waiyyahum min sharri masa'ibid-dunya wad-diin]

Yang bermaksud: "Ya Allah, selamatkanlah kami dan orang-orang Muslim. Kurniakanlah kebaikan buat kami dan orang-orang Muslim. Peliharalah kami dan mereka dari keburukan musibah dunia dan agama."

يَا لَطِيفًا لَمْ يَزَلْ، أَلْطَفُ بِنَا فِيمَا نَزَلَ،
إِنَّكَ لَطِيفٌ لَمْ تَزَلْ، أَلْطَفُ بِنَا وَالْمُسْلِمِينَ

[Ya latifan lam yazal, ultuf bina fima nazala, innaka latifun lam tazal,
ultuf bina wal muslimin]

Yang bermaksud: "Wahai yang Maha lemah lembut, berlemah lembutlah kepada kami dengan apa yang Engkau turunkan, sesungguhnya Engkau yang sentiasa Maha Lembut, berlemah lembutlah kepada kami dan juga Muslimin."

Doa Tolak Bala'

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَّنَ، عَن بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً. اللَّهُمَّ اكْتُبِ
السَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ لَنَا وَلِجَمِيعِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

[*Allahummaad-fa' annal-balaa wal-wabaa waz-zalazila wal-mihan, ma zhahara minha wa ma bathan an baladina khassah, wa sairil buldani 'ammah. Allahummak-tubis-salamata wal-afiyata lana wa lijami'l-buldani 'ammah, ya rabbal-'alamin*]

Yang bermaksud: "Ya Allah, hindarkanlah daripada kami penyakit-penyakit, wabak, bencana dan kesusahan, yang zahir mahupun yang batin daripada negara kami ini khususnya dan dari seluruh negara umumnya. Ya Allah kurniakanlah kepada kami dan negara-negara di sekeliling kami keselamatan dan kesejahteraan. Wahai Tuhan semesta alam."

Doa Memohon Kesejahteraan

اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَدِمْ نِعْمَةَ الْأَمْنِ وَالِاسْتِقْرَارِ فِي بِلَادِنَا

[*Allahumma aminna fi awtanina, wa adim ni'matal-amni wal-istiqrari fi biladina*]

Yang bermaksud: "Ya Allah berikan kami keselamatan di negara kami, dan terus memberkati kami dengan keamanan dan penempatan di negara kami."





**IMSAKIYAH RAMADAN
1442H/2021**

IMSAKIYAH RAMADAN 1442H/2021 BAGI SINGAPURA

Ramadan 1442H	Imsak	Subuh	Syuruk	Zohor	Asar	Maghrib	Isyak	April 2021
1	5 33	5 43	7 01	1 07	4 19	7 11	8 19	13 / 4 / 2021
2	5 33	5 43	7 01	1 06	4 19	7 11	8 19	14 / 4 / 2021
3	5 33	5 43	7 01	1 06	4 20	7 10	8 19	15 / 4 / 2021
4	5 32	5 42	7 00	1 06	4 20	7 10	8 19	16 / 4 / 2021
5	5 32	5 42	7 00	1 06	4 20	7 10	8 19	17 / 4 / 2021
6	5 32	5 42	7 00	1 05	4 20	7 10	8 19	18 / 4 / 2021
7	5 31	5 41	7 00	1 05	4 21	7 10	8 19	19 / 4 / 2021
8	5 31	5 41	6 59	1 05	4 21	7 09	8 19	20 / 4 / 2021
9	5 31	5 41	6 59	1 05	4 21	7 09	8 19	21 / 4 / 2021
10	5 30	5 40	6 59	1 05	4 21	7 09	8 19	22 / 4 / 2021
11	5 30	5 40	6 59	1 04	4 21	7 09	8 19	23 / 4 / 2021
12	5 30	5 40	6 59	1 04	4 21	7 09	8 19	24 / 4 / 2021
13	5 29	5 39	6 58	1 04	4 22	7 09	8 19	25 / 4 / 2021
14	5 29	5 39	6 58	1 04	4 22	7 09	8 18	26 / 4 / 2021
15	5 29	5 39	6 58	1 04	4 22	7 08	8 18	27 / 4 / 2021
16	5 28	5 38	6 58	1 04	4 22	7 08	8 18	28 / 4 / 2021
17	5 28	5 38	6 58	1 04	4 22	7 08	8 18	29 / 4 / 2021
18	5 28	5 38	6 58	1 03	4 23	7 08	8 19	30 / 4 / 2021

Mei 2021

19	5 28	5 38	6 57	1 03	4 23	7 08	8 19	1 / 5 / 2021
20	5 27	5 37	6 57	1 03	4 23	7 08	8 19	2 / 5 / 2021
21	5 27	5 37	6 57	1 03	4 23	7 08	8 19	3 / 5 / 2021
22	5 27	5 37	6 57	1 03	4 23	7 08	8 19	4 / 5 / 2021
23	5 27	5 37	6 57	1 03	4 23	7 08	8 19	5 / 5 / 2021
24	5 26	5 36	6 57	1 03	4 24	7 08	8 19	6 / 5 / 2021
25	5 26	5 36	6 57	1 03	4 24	7 08	8 19	7 / 5 / 2021
26	5 26	5 36	6 57	1 03	4 24	7 08	8 19	8 / 5 / 2021
27	5 26	5 36	6 57	1 03	4 24	7 08	8 19	9 / 5 / 2021
28	5 26	5 36	6 56	1 03	4 24	7 08	8 19	10 / 5 / 2021
29	5 25	5 35	6 56	1 03	4 24	7 08	8 19	11 / 5 / 2021
30	5 25	5 35	6 56	1 03	4 25	7 07	8 19	12 / 5 / 2021

LUNGSURI LELAMAN BERIKUT UNTUK MEMPEROLEHI MAKLUMAT AGAMA SEPANJANG BULAN RAMADAN

**Video
keagamaan
dalam talian**



SalamSG YouTube
(<http://go.gov.sg/salamsgtv>)



MuslimSG YouTube
(<https://www.youtube.com/muslimsg>)

**Video berkaitan
Zakat dalam
talian**



ZakatSG YouTube
(<https://www.youtube.com/zakatsg>)

**Kelas dalam
talian secara
percuma**



42 kelas ADIL secara percuma akan dikendalikan oleh beberapa masjid-masjid di Singapura sepanjang Ramadan.

Lungsuri lelaman ini untuk dapatkan maklumat lebih lanjut:

(<https://www.facebook.com/ADIL.Singapore/>)
(<https://www.instagram.com/muisadil.sg/>)

**Artikel dalam
bahasa Inggeris**




Lungsuri lelaman MuslimSG di:
(<https://www.muslim.sg/>)

**Khutbah Jumaat
daripada Pejabat
Mufti dalam
bahasa Melayu
dan Inggeris**



Lungsuri lelaman MUIS di:
(<https://www.muis.gov.sg/officeofthemufti/Khutbah>)



Office
OF THE
MUFTI